

Artikel

**Klasifikasi Hukum Berdasarkan *Fi'l Al-Amr* Dalam Surah Al-Nisa'**  
(*Legal Classification Based on *Fi'il Al-Amr* in the Translation of Surah Al-Nisa'*)

Zaharom Ridzwan<sup>1\*</sup>, Issraq Ramli<sup>2</sup> & Ahmad Adnin Husin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zaharom@ukm.edu.my](mailto:zaharom@ukm.edu.my)

Diserah: 10 April 2025

Diterima: 20 Ogos 2025

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan kata kerja perintah '*Fi'l Al-Amr*' dan terjemahannya yang terdapat dalam surah al-Nisa'. Secara umum, perintah dalam surah al-Nisa' ditandai oleh kata kerja perintah (*Fi'il Al-Amr*) manakala terjemahannya pula hadir dua bentuk iaitu yang berpenanda dan yang tak berpenanda. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk terjemahan yang terdapat dalam surah al-Nisa' dan mengkategorikan hukum berdasarkan bentuk-bentuk terjemahan tersebut. Huraian tentang bentuk terjemahan '*Fi'l Al-Amr*' adalah berdasarkan taksonomi Asmah Haji Omar dalam kerangka nahu sistemik. Data kajian ini terdiri daripada 82 '*Fi'l Al-Amr*' dalam surah al-Nisa' yang dipilih untuk dianalisis. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan hasil kajian ini memaparkan bentuk perintah berpenanda seperti yang dicadangkan oleh Asmah Haji Omar iaitu partikel penegas *-lah* menjadi penanda dominan dalam terjemahan. Hasil kajian juga mendapati bahawa kata kerja perintah berpenanda mendominasi bentuk terjemahan *fi'il al-amr* dalam Surah al-Nisā. Terdapat tiga bentuk terjemahan '*Fi'l Al-Amr*' iaitu i) kata kerja dasar +*lah*, ii) kata kerja berimbuhan +*lah* dan iii) kata bantu modalitas +*lah*. Perintah merupakan salah satu medium yang digunakan al-Qur'an dalam penentuan hukum. Berdasarkan bentuk-bentuk *Fi'l Al-Amr* yang dianalisis, hukum dapat dikategorikan kepada lima jenis iaitu wajib, haram, harus, sunat dan makruh. Namun, dapatan kajian dalam surah al-Nisa' menunjukkan hanya terdapat tiga hukum syariat berdasarkan kata kerja perintah yang terdapat, iaitu wajib, sunat dan harus.

Kata Kunci : *Fi'l Al-Amr*; Surah al-Nisa'; Terjemahan; Hukum; Nahu sistemik

**Abstract:** This study discusses the imperative verb '*Fi'l Al-Amr*' and its translation found in surah al-Nisa'. In general, the imperative in surah al-Nisa' is marked by the imperative verb (*Fi'il Al-Amr*) while the translation has two forms, namely marked and unmarked. The main objective of this study is to identify the forms of translation found in surah al-Nisa' and categorize the law based on these forms of translation. The description of the form of translation of '*Fi'l Al-Amr*' is based on Asmah Haji Omar's taxonomy in the framework of systemic grammar. The data of this study consists of 82 '*Fi'l Al-Amr*' in surah al-Nisa' which were selected for analysis. This study uses the text analysis method and the results of this study show the marked imperative form as proposed by Asmah Haji Omar, namely the emphatic particle *-lah* is the dominant marker in the translation. The results of the study also found that the marked imperative verb dominates the form of translation of *Fi'l Al-Amr* in Surah al-Nisā. There are three forms of translation of *Fi'l Al-Amr*, namely

i) basic verb +*lah*, ii) verb with suffix +*lah* and iii) modal auxiliary +*lah*. Command is one of the mediums used by the Qur'an in determining law. Based on the forms of *Fi'l Al-Amr* that were analyzed, law can be categorized into five types, namely obligatory, forbidden, obligatory, sunnah and makruh. However, the findings of the study in surah al-Nisa' show that there are only three Sharia laws based on the command verbs that are present, namely obligatory, sunnah and harus.

Keywords: *Fi'l Al-Amr*; Surah al-Nisa'; Translation; Legal; Systemic nahu.

## Pendahuluan

Al-Qur'an merupakan kitab suci umat Islam yang mengandungi pelbagai petunjuk, hukum, hikmah, serta keagungan sastra yang tinggi nilainya. Sebagai salah satu daripada dua sumber utama hukum Islam, al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab. Namun, keistimewaan bahasa Arab sebagai medium wahyu turut menimbulkan kekangan kepada umat Islam bukan Arab ('ajam) untuk memahami kandungannya secara langsung. Oleh itu, penterjemahan al-Qur'an sangat diperlukan agar masyarakat Islam di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, dapat memahami mesej dan hukum yang terkandung di dalamnya (Zaharom, 2015). Proses terjemahan ini bukan sahaja melibatkan penyalinan teks, malah menuntut ketelitian dalam memindahkan maksud supaya mesej al-Qur'an dapat difahami dengan jelas oleh pembaca.

Dalam ilmu linguistik Arab, kata kerja dibahagikan kepada tiga bentuk utama iaitu kata kerja kala lampau (*fi'il mādī*), kata kerja kala kini (*fi'il mudāri*), dan kata kerja perintah (*fi'il amr*) (Ibn Hisham, 1994). Kata kerja perintah (KKP) berperanan besar kerana menjadi medium utama penyampaian hukum dalam al-Qur'an, khususnya dalam penentuan status hukum seperti wajib, sunat, haram, makruh, dan harus (Wahbah al-Zuhaili, 1986). Dalam bahasa Arab, KKP wujud dalam pelbagai pola berdasarkan gender dan bilangan, manakala dalam bahasa Melayu bentuk perintah lazimnya ditandai dengan kata dasar dan partikel tertentu seperti *-lah* (Asmah, 2009). Perbezaan sistem ini menggambarkan cabaran yang perlu dihadapi oleh penterjemah agar maksud hukum dapat dipindahkan dengan berkesan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan al-Qur'an di Malaysia, sebahagian besarnya lebih tertumpu kepada hukum hakam secara umum, bukan kepada aspek linguistik terjemahan. Misalnya, Muhammad Firdaus Abdul Manaf et al. (2018) meneliti terjemahan kata kerja berimbuhan *istif'ala* dalam surah al-Baqarah, manakala Arnida A. Bakar (2017) meneliti penterjemahan unsur budaya dalam surah yang sama. Kajian oleh Norshuhada Abdullah (2018) pula menumpukan kepada bentuk kata kerja perintah dalam surah al-Baqarah dengan mengkategorikannya kepada dua, iaitu berpenanda dan tidak berpenanda. Walau bagaimanapun, penelitian khusus terhadap pengelasan hukum berasaskan bentuk kata kerja perintah masih kurang dijalankan. Hal ini berbeza dengan penegasan al-Muhaimid (2001) dan Azhar (2005) yang menyatakan bahawa analisis tentang kata kerja perintah perlu diberi perhatian kerana ia berkait rapat dengan penentuan bentuk hukum dalam al-Qur'an.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memilih Surah al-Nisa' sebagai fokus kerana surah ini mengandungi sejumlah besar kata kerja perintah yang berkaitan dengan pelbagai hukum syarak. Melalui penganalisan bentuk KKP yang terdapat dalam surah ini, pengkategorian hukum seperti wajib, sunat, makruh, haram dan harus dapat dilakukan dengan lebih sistematik. Kajian ini diharap dapat membantu pembaca memahami bagaimana sesuatu perintah al-Qur'an ditafsirkan dan diterjemahkan, sekali gus memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang hukum yang terkandung di dalamnya.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini bertujuan untuk: i) mengenal pasti bentuk *Fi'l al-Amr* dan terjemahannya dalam Surah al-Nisa', ii) mengelaskan hukum berdasarkan *Fi'l al-Amr*, dan iii) menganalisis bentuk *Fi'l al-Amr* berasaskan hukum dalam terjemahan Surah al-Nisa'. Kajian ini sekali gus berusaha melengkapkan jurang kajian terdahulu dengan menghubungkan antara bentuk kata kerja perintah dan pengelasan hukum dalam penterjemahan al-Qur'an.

## Sorotan Literatur

### 1. Kajian Terjemahan

Kajian Moh Shin et al. (2021) menekankan kepentingan sensitiviti budaya dalam penterjemahan al-Qur'an, khususnya dengan memperkenalkan strategi eksplisitasi dan penggantian budaya untuk memastikan maksud asal teks suci dapat difahami pembaca sasaran. Sumbangan kajian ini penting kerana ia mengingatkan bahawa terjemahan teks agama tidak bersifat neutral, sebaliknya melibatkan penyesuaian dengan latar budaya pembaca. Namun, fokus kajian ini agak terhad kepada unsur budaya ekologi, sedangkan unsur linguistik lain seperti struktur sintaksis atau ungkapan hukum kurang diberikan perhatian. Rosli et al. (2020) pula menegaskan bahawa terjemahan al-Qur'an bukanlah pengganti teks asal tetapi sekadar tafsiran makna. Dari segi metodologi, pandangan ini memperkukuh aspek teoretikal kebolehterjemahan teks agama, namun ia lebih bersifat konseptual dan tidak menawarkan analisis linguistik yang konkrit terhadap bentuk bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, meskipun perbahasan Rosli et al. (2020) memberi justifikasi teoretikal yang kukuh, ia belum menyentuh aspek praktikal terjemahan khususnya dalam isu pengkelasan hukum syarak.

Manakala, kajian Majid et al. (2022) lebih menekankan aspek ungkapan idiomatik yang sering menimbulkan cabaran apabila diterjemah daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Strategi seperti adaptasi budaya dan penggantian idiom setara menunjukkan bahawa kreativiti penterjemah diperlukan bagi mengelakkan mesej tersirat hilang. Kekuatan kajian ini terletak pada usaha mendokumentasikan strategi praktikal, tetapi fokusnya terbatas kepada idiom berasaskan anggota badan dan tidak menjangkau bentuk bahasa yang lebih teknikal seperti kata kerja perintah dalam teks al-Qur'an. Oleh itu, kajian ini menawarkan sumbangan baharu dengan mengintegrasikan analisis linguistik kata kerja perintah dengan klasifikasi hukum syarak dalam konteks terjemahan al-Qur'an, khususnya Surah al-Nisa'. Pendekatan ini bukan sahaja melanjutkan dapatan kajian terdahulu tentang aspek budaya dan idiomatik, tetapi juga mengisi jurang yang belum diterokai iaitu meneliti bagaimana bentuk bahasa (KKP) mempengaruhi penentuan hukum dalam teks terjemahan.

### 2. Kajian Tentang Perintah

Kajian tentang perintah dalam al-Qur'an telah dijalankan dalam pelbagai dimensi sama ada dari segi bentuk linguistik, makna hukum, mahupun aspek terjemahan. Antara pengkaji yang menumpukan perhatian terhadap isu ini ialah Mohammad Sabri Shahrir (2002), Zaharom Ridzwan (2015) dan Noorshuhada (2018).

Kajian Muhammad Sabri Shahrir (2002) memberi tumpuan kepada kata kerja perintah (KKP) dalam bahasa Arab dengan menekankan aspek konsep, ciri-ciri, pola dan penggunaannya. Pendekatan beliau bersifat deskriptif linguistik dengan sedikit sentuhan hukum syarak, memandangkan beliau turut mengaitkan perintah dengan hukum wajib. Kekuatan kajian ini ialah ia membekalkan asas teori linguistik Arab yang mantap serta memberikan contoh-contoh daripada al-Qur'an dengan merujuk kitab tafsir. Namun, kelemahan kajian ini ialah ia lebih bersifat generalisasi, tidak menumpukan kepada surah atau tema tertentu, serta belum menganalisis secara mendalam aspek implikasi makna perintah dalam konteks penterjemahan atau penerimaan pembaca.

Kajian Zaharom Ridzwan (2015) pula beralih kepada dimensi terjemahan dengan meneliti perintah dalam bentuk langsung dan tidak langsung dalam teks al-Qur'an terjemahan Melayu. Kekuatan kajian ini ialah beliau menggunakan teori nahu sistemik Asmah Haji Omar (2009) yang menyediakan kerangka sistematik bagi menganalisis bentuk perintah. Hasil kajiannya membuktikan bahawa terjemahan harfiah sering digunakan untuk menyalin makna perintah, khususnya dalam tema kekeluargaan. Namun begitu, kajian ini juga mempunyai keterbatasan kerana ia lebih menekankan kepada bentuk luaran terjemahan tanpa meneliti konsistensi makna perintah dari perspektif hukum syarak, malah tidak membincangkan secara mendalam aspek variasi strategi terjemahan lintas tema.

Seterusnya, kajian Noorshuhada (2018) menumpukan pada Surah al-Baqarah dengan meneliti bentuk terjemahan KKP menggunakan taksonomi nahu sistemik Asmah Haji Omar. Kekuatan kajian ini ialah ia bersifat spesifik (surah tertentu) dan menghasilkan data empirikal yang besar (175 data). Hasil kajiannya mendapati bentuk KKP berpenanda lebih dominan berbanding tak berpenanda. Walau bagaimanapun, kajian

ini masih terbatas kerana analisisnya lebih cenderung kepada kuantifikasi bentuk terjemahan, tanpa memberi perhatian yang mendalam terhadap perbandingan lintas surah, aspek makna implisit/eksplisit, atau hubungan dengan metodologi tafsir.

Dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga kajian ini walaupun memberi sumbangan besar dalam memahami bentuk dan terjemahan KKP, namun masih terdapat jurang. Pertama, kajian Sabri (2002) lebih linguistik dan umum tanpa meneliti dimensi terjemahan. Kedua, kajian Zaharom (2015) meneliti terjemahan tetapi tidak meluaskan konteks tema dan hukum. Ketiga, kajian Noorshuhada (2018) hanya terbatas pada satu surah dengan analisis bentuk, tanpa analisis mendalam tentang variasi makna perintah yang berimplikasi hukum atau konteks sosiobudaya pembaca Melayu.

### *Definisi Kata Kerja Perintah*

Terdapat perbezaan yang jelas antara perintah dan kata kerja perintah. Dalam bahasa Melayu, tidak ada KKP, yang ada ialah ayat perintah iaitu ayat yang diucapkan dengan tujuan menimbulkan sesuatu Tindakan (KD 2005). Sebaliknya bahasa Arab mempunyai KKP yang menjadi inti kepada sesuatu ayat perintah dengan polanya yang tersendiri (Zaharom 2015).

### *Kata Kerja Perintah Bahasa Melayu*

Nik Safiah Karim (2011) mentakrifkan ayat perintah sebagai ayat yang bertujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan atau perbuatan. Menurut beliau lagi, ayat perintah ialah ayat yang diucapkan untuk tujuan memberi arahan atau menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat perintah sering digunakan untuk ditujukan kepada pihak kedua dengan menggunakan kata ganti nama kedua (awak, kamu, engkau) yang kebiasaannya digugurkan dalam ayat. Manakala menurut Asmah Haji Omar (2009) pula, ayat perintah memerlukan gerak balas yang berupa tindakan yang ditujukan kepada orang kedua. Bagaimanapun, menurut beliau lagi terdapat juga kata perintah yang melibatkan orang pertama dan ketiga. Menurut beliau lagi, perintah mempunyai dua subsistem, iaitu perintah eksklusif dan perintah inklusif. Kata perintah eksklusif hanya ditujukan kepada orang kedua dan dibahagikan pula kepada dua iaitu KP eksklusif positif (kasar dan halus) dan KP eksklusif negatif. Manakala KP inklusif pula meliputi diri pertama, kedua dan ketiga dan dibahagikan kepada harapan dan ajakan.

### *Kata Kerja Perintah Bahasa Arab*

Mohd Rosdi Ismail (2003) menyatakan bahawa KKP merupakan 'arahan' atau 'suruhan' yang berlakunya sesuatu perbuatan. Definisi yang sama diberikan oleh Wahbah Al-Zuhaili (1986), perintah ialah satu perkataan yang menjuruskan kepada satu tuntutan daripada pihak yang memiliki kuasa atau kedudukan yang lebih tinggi supaya membuat sesuatu perbuatan. Kedua-dua makna perintah daripada kedua-dua sarjana Islam ini merupakan makna yang menunjukkan perintah bagi sesuatu suruhan. Pembentukan pola KKP Bahasa Arab ditentukan oleh unsur penerima sesuatu perintah iaitu bilangan (1,2 dan jamak) dan gender (lelaki dan perempuan). Ini menjadikan jumlah pola yang ada adalah sebanyak 6 pola seperti yang telah dijelaskan di dalam latar belakang kajian, (Nur Wajihah, 2019).

### *3. Kajian Tentang Surah Al-Nisa'*

Marfuatus Sholikhah (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Transitive Verbs of Surah An-Nisa' and Its English Translation* menggunakan teks al-Qur'an yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Abdel Haleem. Objektif kajian tersebut adalah untuk meneliti struktur bahasa yang terkandung dalam al-Qur'an agar dapat disampaikan dengan baik melalui tatabahasa sasaran, khususnya dari aspek kata kerja transitif dalam ayat-ayat hukum surah al-Nisa'. Beliau menekankan bahawa kesepadanan makna antara teks sumber dan teks sasaran banyak bergantung kepada analisis tatabahasa serta strategi penterjemahan seperti perbandingan kelas kata dan peralihan kategori kata (class shift). Walau bagaimanapun, kekurangan kajian ini adalah sifatnya yang masih bersifat deskriptif-struktural dan kurang menghubungkan implikasi terjemahan itu dengan aspek kefahaman audien Muslim non-Arab. Justeru, meskipun Sholikhah berjaya menyorot kaedah perbandingan tatabahasa Arab-Inggeris, jurang kajian ini ialah ia belum memperluas perbincangan kepada konteks penerimaan makna oleh masyarakat pembaca al-Qur'an yang bukan penutur Arab (Sholikhah, 2015).

Kajian oleh Ainina Nur Jannah (2017) yang berjudul *Pendidikan Akhlak dalam Surah Al-Nisa' Ayat 36–38 pula* memfokuskan kepada nilai akhlak yang terkandung dalam ayat tersebut, dengan menekankan kerelevanan ayat al-Qur'an terhadap pembinaan akhlak seharian. Beliau menggunakan pelbagai tafsir klasik dan kontemporari seperti *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Jalalain* dan *Tafsir al-Misbah* sebagai rujukan utama. Hasil kajiannya menzahirkan dua kategori utama nilai pendidikan akhlak, iaitu nilai vertikal (hubungan dengan Allah) dan nilai horizontal (hubungan sesama manusia). Kekuatan kajian ini adalah pada penekanan terhadap integrasi ayat dengan aspek aplikatif kehidupan seharian, namun analisisnya lebih berorientasikan tafsir dan kurang mengaitkan nilai akhlak ini dengan kerangka sociolinguistik atau komunikasi kontemporari umat Islam. Tambahan pula, Ainina tidak banyak menyinggung persoalan bagaimana perbezaan konteks budaya atau latar bahasa pembaca mempengaruhi pemahaman dan penerimaan nilai tersebut. Hal ini mewujudkan satu ruang penyelidikan untuk menghubungkan dimensi akhlak Qur'ani dengan konteks kefahaman khalayak rentas bangsa dan bahasa, yang masih kurang ditangani dalam kerangka terdahulu (Ainina, 2017).

Sementara itu, kajian Nur Wajihah (2019) yang bertajuk *Bentuk dan Makna Kata Kerja Perintah dalam Surah Al-Nisa'* meneliti pembentukan pola kata kerja perintah (fi'il al-amr) dengan mengambil kira variasi bilangan (mufrad, musanna, jama') dan gender (muzakkar, muannath). Kajian beliau memberi tumpuan pada tema ibadah kerana penggunaannya meluas dalam surah al-Nisa', dengan menggunakan rujukan seperti *Fi Zilal al-Qur'an* (Sayyid Qutb), *Kamus Dewan* (2005), serta *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2016). Analisis beliau berasaskan kerangka Nahu Sistemik Asmah (2015) menekankan bahawa bentuk perintah bukan sahaja membawa makna literal, tetapi juga implikasi ibadah yang meluas. Namun, keterbatasannya ialah fokus yang agak sempit kepada aspek ibadah sahaja, tanpa menyoroti bab lain seperti muamalah, munakahat atau jenayah yang juga banyak terkandung dalam surah tersebut. Lebih penting lagi, ketiga-tiga kajian terdahulu (Sholikhah 2015; Ainina 2017; Nur Wajihah 2019) cenderung bersifat deskriptif dan tidak menunjukkan perbandingan silang yang mendalam antara analisis linguistik dengan dimensi pemaknaan oleh khalayak pembaca rentas budaya. *Novelty* yang dapat disimpulkan ialah keperluan untuk mengintegrasikan analisis linguistik al-Qur'an (tatabahasa, semantik, dan struktur ayat) dengan analisis penerimaan makna dalam konteks sosial dan komunikasi, khususnya bagi audiens bukan Arab, yang sehingga kini masih merupakan jurang utama dalam literatur.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, kebanyakan kajian memfokuskan kepada aspek bentuk dan makna terjemahan *Fi'il Al-Amr* (KKP), strategi terjemahan, serta unsur budaya dalam teks keagamaan seperti al-Qur'an. Namun begitu, tiada tumpuan secara khusus mengenai klasifikasi hukum-hukum yang terkandung tentang KKP berdasarkan terjemahan surah al-Nisa' khususnya dari sudut implikasi fiqh dan penyesuaian hukum dalam ayat-ayat tertentu. Walaupun terdapat analisis terhadap bentuk linguistik dan variasi makna KKP (Norshuhada, 2018; Nur Wajihah, 2019), namun tiada penelitian menyeluruh yang menghubungkan bentuk KKP ini dengan pengelasan hukum syarak secara sistematik dalam terjemahan, sama ada hukum wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Justeru, kajian ini penting bagi mengisi keelompokan tersebut dengan meneliti bentuk, makna dan klasifikasi hukum yang terdapat dalam terjemahan ayat-ayat dalam surah al-Nisa', agar dapat memberikan kefahaman yang lebih komprehensif terhadap arahan ilahi dalam konteks hukum Islam.

## Metodologi Kajian

### 1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan panduan hala tuju daripada sesuatu kajian di samping mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Reka bentuk kajian juga sebagai perancangan struktur dan strategi dalam sesuatu penyelidikan. Kajian ini dilakukan berdasarkan dua reka bentuk iaitu kajian kepustakaan dan kajian teks.

### 2. Kajian Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan topik kajian. Melalui kaedah ini segala maklumat yang berkaitan dengan bidang kajian dapat dikumpul-kan dengan mudah dan

lebih terperinci berkaitan KKP, teori dan segala aspek yang berkaitan dengan kajian. Kajian kepustakaan ini tertumpu kepada sumber-sumber di perpustakaan dalam bentuk cetakan yang terdiri daripada buku, majalah, jurnal, artikel, kertas kerja dan sebagainya yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Maklumat-maklumat yang berkaitan, pandangan dan pendapat penulis akan dikumpul dan dikaji seterusnya diperjelaskan dan diperkukuhkan lagi ke dalam kajian yang dilakukan. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan internet sebagai medium untuk carian jurnal dan bahan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini.

### 3. Kajian Teks

Data yang dianalisis dan diberi perhatian khusus adalah daripada paparan teks terjemahan surah al-Nisa'. Pengkaji telah memilih terjemahan al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan (2012) yang terbitkan oleh Yayasan Restu. Justifikasi pemilihan teks terjemahan ini adalah berdasarkan kepada pengiktirafan teks ini oleh Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN). Selain itu, teks ini mengekalkan teknik *Rasm 'Uthmāniy* serta telah disahkan oleh Bahagian Kawalan Teks al-Qur'an, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri malah ia merupakan hasil terjemahan yang berwibawa. Ia telah diusahakan oleh sekumpulan penterjemah yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan dengan ilmu al-Qur'an, syaria, bahasa Arab dan tafsir.

### 4. Proses Pengumpulan Data

Prosedur kajian dimulakan dengan pemilihan tajuk kertas projek, perbincangan dengan penyelia dan membuat permohonan kelulusan tajuk daripada pihak Open University Malaysia (OUM). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks untuk mengenalpasti penggunaan KKP dalam terjemahan surah al-Nisa'. Kaedah ini digunakan untuk mengkaji secara sistematik kandungan teks berkenaan. Melalui kaedah ini pengkaji telah melakukan empat langkah penting dalam menganalisis kandungan, iaitu:

- i. Pembacaan data.
- ii. Pemilihan dan pembahagian data terjemahan *Fi'l Al-Amr* dalam bentuk perintah.
- iii. Penganalisan *Fi'l Al-Amr*

#### *Pembacaan Data*

Terjemahan surah al-Nisa' perlu dibaca secara keseluruhannya untuk mendapatkan kefahaman dan memahami kandungannya. Pengkaji akan terlebih dahulu memahami dan menguasai serta membuat penelitian dalam setiap terjemahan ayat-ayat perintah dalam surah al-Nisa' bagi mengenalpasti dan mengeluarkan kesemua KKP yang terdapat dalam surah tersebut. Semakan yang berulang kali telah dilakukan bagi memastikan keabsahan dan ketepatan data yang terkumpul.

#### *Pemilihan Data Pemilihan Data dan Pembahagian Data*

Peringkat kedua ialah memilih sampel untuk kajian yang dibuat setelah data tersebut dikaji secara terperinci. Semua data yang dikumpul itu dicatat dan diteliti bentuk-bentuk KKP. Ringkasan telah dilakukan bagi kategori ayat untuk memudahkan ia dianalisis dengan menggunakan huruf 'A' bagi mewakili ayat dan seterusnya nombor ayat. Contohnya, (A002) yang membawa maksud (A) ialah ayat manakala (002) adalah nombor ayat yang kedua. Bagi mendapatkan data yang lengkap bagi ayat dan terjemahannya dilampirkan pada bahagian lampiran untuk rujukan.

### 4. Penganalisan Data


Penganalisan data dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis bentuk, analisis makna dan juga analisis status hukum. Penganalisan bentuk dilakukan berdasarkan nahu sistemik, manakala analisis makna berdasarkan rujukan terhadap kamus dan juga terjemahan tafsir *Fi Zilal Al-Qur'an* bagi mendapatkan makna harfiah. Seterusnya penganalisan status hukum dari ayat-ayat perintah menggunakan kitab-kitab tafsir al-Qur'an yang muktabar.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

Dalam kajian ini, analisis difokuskan kepada bentuk kata kerja perintah (KKP) yang terkandung dalam surah al-Nisa' dengan memberikan perhatian khusus terhadap kategori hukum syariat yang terkandung di dalamnya. Hukum yang dikenal pasti meliputi tiga kategori utama iaitu wajib, sunat dan harus, yang masing-masing mencerminkan tahap keutamaan perintah Allah SWT terhadap pelaksanaan sesuatu tuntutan. Kajian ini bukan sahaja meneliti jumlah dan peratusan KKP dalam setiap kategori hukum, tetapi juga menghuraikan bentuk morfologi perintah yang digunakan dalam terjemahan, seperti imbuhan awalan, akhiran serta kehadiran partikel penegas *-lah*. Analisis ini penting kerana ia memperlihatkan bagaimana variasi bentuk KKP dalam al-Quran mempunyai kaitan langsung dengan kekuatan perintah syarak serta memberi gambaran tentang pendekatan linguistik dalam penyampaian mesej hukum. Oleh itu, dapatan yang diperoleh dapat membantu memperkuat pemahaman terhadap gaya bahasa al-Quran yang sarat dengan penegasan dan ketegasan dalam menyampaikan perintah syariat kepada umat Islam. Berikut merupakan dapatan data yang telah diperoleh berdasarkan analisis yang telah dibuat. Proses penganalisan data melibatkan empat bahagian meliputi hasil seperti berikut:

### 1. Hukum Berdasarkan KKP Dalam Surah al-Nisa'

Kata Kerja Perintah (KKP) yang terdapat dalam Surah al-Nisā' memainkan peranan penting dalam menjelaskan hukum-hukum syariat yang berkaitan dengan kehidupan seharian umat Islam. KKP dalam ayat-ayat surah ini bukan sekadar berbentuk arahan atau larangan, tetapi membawa maksud kewajipan, keharusan, dan galakan yang menjadi panduan dalam urusan ibadah, muamalat, kekeluargaan serta hubungan sosial. Justeru, analisis terhadap hukum berdasarkan KKP ini membolehkan kita memahami dengan lebih jelas bentuk tuntutan syariat sama ada dalam kategori wajib, harus atau sunat. Carta 1 berikut memaparkan peratusan serta pecahan hukum yang terkandung dalam Surah al-Nisā' berdasarkan KKP yang dikenal pasti :




Carta 1. Peratus hukum berdasarkan kkp dalam surah al-nisa'

Carta 1 menunjukkan jumlah peratus hukum berdasarkan keseluruhan KKP dalam surah Al-Nisa'. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat tiga kategori hukum syariat yang terdapat dalam surah al-Nisa' ini iaitu wajib, harus dan sunat. Berdasarkan carta di atas juga dapat dilihat bahawa hukum wajib merupakan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 48 KKP bersamaan 58% diikuti hukum harus sebanyak 21 KKP bersamaan 26%. Seterusnya yang terakhir ialah hukum sunat sebanyak 13 KKP bersamaan 16%.

## 2. Bentuk KKP Berdasarkan Hukum Wajib Dalam Surah al-Nisa'

Bentuk Kata Kerja Perintah (KKP) yang membawa maksud hukum wajib dalam Surah al-Nisā' menekankan pelaksanaan perintah Allah yang mesti dipatuhi oleh setiap Muslim tanpa pengecualian. Hukum wajib ini merangkumi aspek penting seperti kewajipan menunaikan ibadah, menjaga hak-hak sesama manusia, menegakkan keadilan, serta melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat. Penggunaan KKP dalam konteks ini menegaskan bahawa perintah tersebut tidak boleh diabaikan kerana ia berkait rapat dengan akidah, syariah dan akhlak umat Islam. Justeru, analisis bentuk KKP ini memperlihatkan bagaimana Al-Quran meletakkan kewajipan sebagai asas utama dalam pembentukan sahsiah dan kehidupan beragama. Carta 2 berikut menunjukkan bentuk-bentuk KKP yang dikategorikan sebagai hukum wajib dalam Surah al-Nisā':



Carta 2. Peratus bentuk kkp berdasarkan hukum wajib dalam surah al-nisa'

Carta 2 memaparkan peratus bentuk KKP berdasarkan hukum wajib yang terdapat dalam surah al-Nisa'. Jumlah keseluruhan KKP berdasarkan hukum wajib yang diperolehi dalam kajian ini adalah sebanyak 48 KKP. Bentuk KKP yang paling tinggi adalah kata kerja dasar berimbuhan akhiran kan + partikel penegas -lah (KKDasar + kan + lah) iaitu sebanyak 14 KKP yang bersamaan 29%. Kedua tertinggi adalah bentuk KKP kata kerja dasar berimbuhan awalan ber + partikel penegas -lah (ber + KKDasar + lah) iaitu sebanyak 25% bersamaan dengan 12 KKP diikuti ketiga ialah bentuk KKP kata kerja dasar + partikel penegas -lah (KKDasar + lah) sebanyak 21% yang bersamaan dengan 10 KKP. Seterusnya tempat keempat adalah bentuk KKP kata bantu modalitas + partikel penegas -lah (KBModalitas + lah) iaitu sebanyak 17% yang bersamaan dengan 8 KKP. Nilai peratusan yang terendah adalah bentuk KKP kata kerja dasar berimbuhan akhiran -i + partikel penegas -lah (KKD + i + lah) iaitu sebanyak 8% bersamaan 4 KKP. Berikut merupakan contoh-contoh bagi Hukum Wajib seperti di Jadual 1.


Jadual 1. Contoh hukum wajib berdasarkan kkp dalam surah al-nisa'

| Bil | No Ayat | Kata Kerja Perintah (KKP)                               | Terjemahan                                                                                          | Hukum |
|-----|---------|---------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1   | A005    | وَأَرْزُقُوهُمْ فِيهَا                                  | <b>Berilah</b> mereka belanja                                                                       | Wajib |
| 2   | A005    | وَأَكْسُوهُمْ                                           | <b>Berilah</b> mereka pakaian.                                                                      | Wajib |
| 3   | A006    | وَابْتَلُوا الَّذِينَ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ | Dan <b>ujilah</b> anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur dewasa.           | Wajib |
| 4   | A015    | فَأَسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِمْ أَرْبَعَةً مِّنْكُمْ        | maka <b>carilah</b> empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. | Wajib |
| 5   | A015    | فَإِنْ شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُمْ فِي الْبُيُوتِ          | maka <b>kurunglah</b> mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah.                              | Wajib |



### 3. Bentuk KKP Berdasarkan Hukum Sunat Dalam Surah al-Nisa'

Bentuk Kata Kerja Perintah (KKP) yang membawa maksud hukum sunat dalam Surah al-Nisā' menggambarkan perintah Allah yang bersifat galakan dan dorongan kepada umat Islam untuk melaksanakannya. Walaupun tidak berdosa jika ditinggalkan, pelaksanaannya mendatangkan pahala dan kebaikan di sisi Allah. KKP berbentuk sunat ini biasanya berkait dengan amalan yang dapat memperkukuh hubungan sosial, memelihara keharmonian hidup, serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan individu. Penggunaan bentuk ini menunjukkan kelembutan syariat Islam dalam memberi ruang kepada umatnya untuk menambah amal kebajikan di samping kewajipan yang telah ditetapkan. Carta 3 berikut memperlihatkan bentuk-bentuk KKP yang tergolong dalam hukum sunat dalam Surah al-Nisā':



Carta 3. Peratus bentuk kkp berdasarkan hukum sunat dalam surah al-nisa'


Carta 3 menunjukkan peratus bentuk KKP berdasarkan hukum sunat yang terdapat dalam surah al-Nisa'. Jumlah keseluruhan KKP yang diperolehi dalam kategori hukum sunat ini adalah sebanyak 13 KKP. Bentuk terjemahan KKP yang paling tinggi berdasarkan hukum sunat adalah kata kerja dasar berimbuhan akhiran kan + partikel penegas *-lah* (KDasar + kan + *lah*) iaitu sebanyak 31% yang bersamaan dengan 4 KKP. Bentuk terjemahan KKP yang kedua tertinggi pula adalah kata kerja dasar + partikel penegas *-lah* (KDasar + *lah*) dan kata kerja dasar berimbuhan awalan ber + partikel penegas *-lah* (Ber + KDasar + *lah*) iaitu sebanyak 21% bersamaan dengan 3 KKP yang terdapat pada kedua-dua bentuk ini. Seterusnya bentuk ketiga adalah kata bantu modalitas + partikel penegas *-lah* (KBModalitas + *lah*) sebanyak 15% ber-samaan 2 KKP. Nilai peratusan yang terendah adalah sebanyak 8% yang bersamaan 1 KKP sahaja iaitu kata kerja dasar berimbuhan akhiran i + partikel penegas *-lah* (KDasar + i + *lah*). Berikut merupakan contoh-contoh bagi Hukum Sunat seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Contoh hukum sunat berdasarkan kkp dalam surah al-nisa'

| Bil | No Ayat | Kata Kerja Perintah (KKP)                           | Terjemahan                                                                                           | Hukum |
|-----|---------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1   | A084    | وَحَرِّضَ الْمُؤْمِنِينَ                            | <b>Berilah</b> perangsang kepada orang yang beriman                                                  | Sunat |
| 2   | A086    | بِأَحْسَنَ مِنْهَا فَحْيُوا                         | Maka <b>balaslah</b> penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya                             | Sunat |
| 3   | A106    | وَاسْتَغْفِرِ اللَّهَ                               | <b>Mohonlah</b> ampun kepada Allah                                                                   | Sunat |
| 4   | A063    | فَاعْرِضْ عَنْهُمْ                                  | <b>Engkau hendaklah berpaling</b> daripada mereka                                                    | Sunat |
| 5   | A103    | وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ وَقُعُودًا ٱللَّهُ فَاذْكُرُوا | Maka <b>hendaklah kamu mengingati Allah</b> semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring | Sunat |

#### 4. Bentuk KKP Berdasarkan Hukum Harus Dalam Surah al-Nisa'

Bentuk Kata Kerja Perintah (KKP) yang membawa maksud hukum harus dalam Surah al-Nisā' menunjukkan kelonggaran yang diberikan oleh Allah kepada hamba-Nya dalam melaksanakan sesuatu perbuatan. Hukum harus ini memberi pilihan kepada umat Islam sama ada ingin melakukannya atau meninggalkannya tanpa dikenakan dosa mahupun mendapat pahala secara khusus. Walau bagaimanapun, ia tetap mengandungi hikmah tertentu yang bertujuan memudahkan urusan kehidupan, menjaga maslahat umat serta mengelakkan kesukaran. Penggunaan KKP berbentuk harus juga menggambarkan sifat rahmah dan toleransi syariat Islam dalam memenuhi keperluan manusia yang berbeza keadaan dan situasi. Carta 4 berikut memaparkan bentuk-bentuk KKP yang dikategorikan sebagai hukum harus dalam Surah al-Nisā':



Carta 4. Peratus bentuk kip berdasarkan hukum harus dalam surah al-nisa'

Carta 4 menunjukkan peratus bentuk KKP berdasarkan hukum harus yang terdapat dalam surah al-Nisa'. Jumlah KKP berdasarkan hukum harus yang diperolehi dalam data kajian adalah sebanyak 21 KKP. Bentuk terjemahan KKP tertinggi yang diperolehi adalah kata kerja dasar + partikel penegas *-lah* (KDasar + *lah*) sebanyak 62% bersamaan dengan 13 KKP. Kedua tertinggi ialah kata kerja dasar berimbuhan akhiran kan + partikel penegas *-lah* sebanyak 28% bersamaan 6 KKP. Bentuk yang nilai peratusan paling rendah adalah kata kerja dasar berimbuhan awalan ber + partikel penegas *-lah* (Ber + KDasar + *lah*) dan kata kerja dasar akhiran i + partikel penegas *-lah* (KDasar + i + *lah*) sebanyak 5% sahaja bagi kedua-dua bentuk bersamaan 1 KKP. Berikut merupakan contoh-contoh bagi Hukum Harus seperti di Jadual 3.

Jadual 3. Contoh hukum sunat berdasarkan kkp dalam surah al-nisa'

| Bil | No Ayat | Kata Kerja Perintah (KKP)           | Terjemahan                                                                                              | Hukum |
|-----|---------|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1   | A032    | وَأَسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ  | <b>Mohonlah</b> kepada Allah akan limpah kurnia-Nya.                                                    | Harus |
| 2   | A034    | وَأَصْرِبْهُمْ                      | <b>Pukullah</b> mereka (dengan pukulan ringan yang tidak mencederakan).                                 | Harus |
| 3   | A035    | فَاتَّبِعُوا حَكْمًا مِّنْ أَهْلِهِ | Maka <b>lantiklah</b> 'orang tengah' (untuk mendamaikan mereka, iaitu) seorang daripada keluarga lelaki | Harus |
| 4   | A046    | وَأَسْمِعْ غَيْرَ مُسْمِعٍ          | <b>Dengarlah</b> ; padahal tidak ada yang didengar.                                                     | Harus |
| 5   | A046    | وَأَسْمِعْ                          | <b>Dengarlah</b>                                                                                        | Harus |

Berdasarkan pembahagian hukum KKP yang telah dibuat, berikut merupakan ayat al-Qur'an dan terjemahan yang mengandungi pelbagai makna seperti di Jadual 4.

Jadual 4. Terjemahan ayat al-qur'an pelbagai makna

| Ayat al-Qur'an   | Terjemahan                                                             |
|------------------|------------------------------------------------------------------------|
| فَأْمْسِكُوهُنَّ | maka <b>kurunglah</b> mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah. |

Berdasarkan Jadual 4, KKP pada ayat yang ke-231 dalam surah Al-Nisa' ini berasal daripada kata **أَمْسَكَ** (KKKL), **يُمْسِكُ** (KKKK) dan **أَمْسِكَ** (KKP) bermaksud 'memegang'. Kata kerja ini dikelaskan sebagai kata kerja *ṣaḥīḥ* dan *mazīd* (berimbuhan), iaitu terdapat penambahan huruf *alif* di awal perkataan ini dalam kata asalnya. Kata penghubung yang terdapat di awal KKP ini ialah huruf *fā'* (ف) yang bermaksud 'maka'. Huruf *wāw* yang terdapat selepas huruf *kāf* pula, merupakan penanda bagi jamak lelaki (*wāw jamā'at*). Ganti nama (*damīr*) yang berada selepas *wāw jamā'at* dalam KKP ini, iaitu **هُنَّ** yang merujuk mereka (jamak perempuan) yang merupakan objek dalam binaan ayat perintah ini. KKP ini telah diterjemahkan dengan menggunakan bentuk terjemahan yang ketiga, iaitu dengan mengambil kata bantu modalitas 'boleh' yang berpartikel penegas *-lah* (KBM + *lah*).

Ayat **فَأْمْسِكُوهُنَّ** dalam Surah al-Nisa' ayat 15 merupakan satu contoh KKP atau kata kerja perintah dalam al-Qur'an yang mempunyai kesan langsung terhadap pemahaman dan pengeluaran hukum syarak. Ayat ini memberikan arahan kepada wali atau pihak berkuasa untuk mengurung wanita yang terbukti melakukan perbuatan keji (zina), dengan syarat terdapat empat orang saksi. Dari sudut hukum, perintah ini merupakan salah satu hukum awal (al-ahkam al-awwaliyah) yang telah dimansuhkan melalui ayat kemudian dalam Surah al-Nur ayat 2 yang menetapkan hukuman sebatan kepada pezina. Justeru, perintah **فَأْمْسِكُوهُنَّ** tidak lagi diaplikasikan secara literal dalam undang-undang semasa, namun masih penting untuk difahami sebagai bukti bertahapnya pendekatan Islam dalam menggubal hukum.

Dari sudut terjemahan, lafaz **فَأْمْسِكُوهُنَّ** telah diterjemahkan oleh Yayasan Restu sebagai "*maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah*". Terjemahan ini mengekalkan bentuk perintah secara langsung selaras dengan bentuk asal KKP. Namun, terdapat variasi dalam kalangan penterjemah lain. Sebagai contoh, Mahmud Yunus menggunakan bentuk "*hendaklah kamu mengurung mereka*", manakala Sahih International menterjemahkan sebagai "*then confine them to houses*". Penggunaan bentuk seperti "*hendaklah*" memberi nuansa sedikit lebih lembut, manakala terjemahan literal pula mengekalkan bentuk langsung tanpa perubahan makna. Jika diterjemah dengan bentuk modaliti seperti "*bolehlah dikurung*" atau "*sebaiknya dikurung*", ia boleh menimbulkan kekeliruan terhadap kekuatan hukum ayat tersebut, apatah lagi dalam konteks ayat hukum yang bersifat qat'i (pasti).

Dari sudut konseptual, pendekatan yang dibawa oleh Asmah Haji Omar boleh digunakan untuk menjelaskan bagaimana pemindahan makna perlu mengambil kira konteks budaya dan sosial bahasa sasaran. Menurut beliau, terjemahan seharusnya menyampaikan mesej yang relevan dan difahami dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Dalam hal ini, penggunaan istilah seperti "kurunglah" atau "tahanlah" boleh dilihat sebagai selari dengan kefahaman masyarakat terhadap bentuk perintah. Namun, perlu diingat bahawa teori Asmah lebih berfokus kepada komunikasi umum dan bukan secara khusus dalam bidang terjemahan teks hukum agama. Oleh itu, dalam kes ayat-ayat hukum seperti ini, teori linguistik sahaja tidak mencukupi tanpa rujukan kepada disiplin tafsir, usul fiqh dan ilmu qira'at.

Kesimpulannya, KKP dalam ayat **فَأْمْسِكُوهُنَّ** memberikan gambaran jelas tentang bagaimana perintah dalam al-Qur'an boleh berubah hukum melalui nasakh dan memerlukan pendekatan terjemahan yang berhati-hati. Penterjemah harus sedar akan konteks hukum ayat dan tidak sekadar mengikut kaedah linguistik biasa, agar terjemahan yang dihasilkan tidak menyimpang daripada maksud asal syariat. Taksonomi Asmah Haji Omar boleh menyokong dari sudut budaya bahasa, tetapi penerapan teori tersebut harus diselaraskan dengan prinsip-prinsip agama agar kekuatan hukum Islam tidak terjejas.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian KKP masih mempunyai ruang yang luas untuk dikaji, khususnya dalam bidang linguistik terjemahan al-Qur'an yang melibatkan aspek perintah dan larangan. Pengkaji amat berharap agar

lebih ramai pelapis baharu tampil menjalankan kajian lanjutan bagi memperkukuh bidang ini secara berterusan. Kajian ini diyakini memberi sumbangan bermakna dari sudut teori, dengan menyatakan perbincangan berkenaan strategi terjemahan khususnya dalam konteks terjemahan Arab-Melayu dan pendekatan terhadap makna perintah dalam al-Qur'an. Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh penterjemah al-Qur'an, penyusun modul pendidikan Islam, serta pengkaji bahasa dalam usaha memperkemas penyampaian makna yang lebih tepat dan sesuai dengan konteks bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana terjemahan merupakan satu pendekatan penting dalam usaha memahami kandungan kitab suci al-Qur'an, meskipun tidak dapat menyamai kemuliaan dan kesempurnaan al-Qur'an itu sendiri. Justeru, setiap usaha yang dilakukan dalam bidang ini adalah satu sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu dan pemahaman agama. Secara tidak langsung, ia mendekatkan pengkaji dengan al-Qur'an serta memberi impak yang signifikan kepada masyarakat dalam memahami mesej yang dibawa oleh Allah SWT. Bagi cadangan kajian akan datang, pengkaji mencadangkan agar tumpuan diberi kepada kajian perbandingan antara pelbagai terjemahan al-Qur'an dari pelbagai penterjemah atau latar budaya, serta kajian terhadap respons pembaca atau pengguna terhadap bentuk terjemahan tertentu.

## Rujukan

- Ab. Rahim Ibrahim. (1999). *Ketidakterusan perintah dan larangan dalam al-Qur'an: Kajian terhadap ayat-ayat hukum Surat Al-Baqarah* [Tesis Sarjana, Universiti Malaya].
- Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin, Muhammad Arsyad Abdul Majid, & Norhazlina Husin. (2021). Prosedur terjemahan unsur budaya ekologi dalam al-Quran. *e-Bangi: Journal of Social Science & Humanities*, 18(4), 148–162. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/49014>
- Ahmad Sukri Ahmad. (2003). *Terjemahan Surah Al-Baqarah: Analisis sintaksis dalam Tafsir al-Azhar* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia].
- Ahmad Zulfadli Nokman. (2013). *Perbandingan terjemahan Tafsir Fi Zilal Al-Qur'an dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Dari sudut terjemahan makna perintah Arab-Melayu* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya].
- Ainina Nur Jannah. (2017). *Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam Surat Al-Nisa' ayat 36–38* [Tesis Sarjana, Maulana Malik Ibrahim State Islamic University of Malang].
- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2000). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Publication & Distributor.
- Ainon Muhammad. (1979). *Pengantar terjemahan: Teori dan latihan praktikal*. Penerbitan Adabi.
- Al-Muhaimid, Y. J. (2001). *Al-Amr wa al-nahy 'ind 'ulama al-'Arabiyyah wa al-usuliyyin*. Dar Ihya Al-Arabiyy.
- Arnida A. Bakar, Sulhah Ramli, & Lubna Abd Rahman. (2017). Aspek semantik dalam terjemahan unsur budaya ke bahasa Melayu: Kajian dalam Surah Al-Baqarah. *E-Proceedings of the 4th International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 93–103.
- Asmah Haji Omar. (2009). Penterjemahan pemindahan sistem semiotika. *Journal of the Malaysian Translation Association*, 11(2), 45–60.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Zailani. (2005). *Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus: Satu pandangan awal*. Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hisham. (1994). *Audah al-masalik ila Alfiyyah Ibn Malik*. Mansyurat Al-Maktabat al-Asiyyat.
- Majid, M. A. A., Isa, A. A. M., Zakaria, M. Z., & Moh Shin, A. J. A. I. (2022). Aplikasi strategi terjemahan Arab-Melayu dalam ungkapan idiomatik anggota badan. *e-Bangi: Journal of Social Science & Humanities*, 19(5). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1905.03>
- Marfuatus Sholikhah. (2015). *Transitive verbs of Surah Al-Nisa' and its English translation* [Tesis Sarjana, State Islamic University Sunan Kalijaga].
- Mohd Rosdi Ismail. (2003). *Bahasa Arab mikro: Binaan kata & fungsi makna*. Percetakan Darul Naim.

- Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2018). Penterjemahan Arab-Melayu *Istaf'ala* dalam Surah Al-Baqarah. *Jurnal Pengajian Islam*, 11(1).
- Muhammad Sabri Shahrir. (2002). *Kata kerja perintah dalam bahasa Arab: Pola dan penggunaannya* [Tesis Sarjana, Universiti Malaya].
- Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah, & Lubna Abd Rahman. (2020). Terjemahan teks keagamaan: Tinjauan dari sudut konsep kebolehterjemahan. *e-Bangi: Journal of Social Science & Humanities*, 17(4). <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/view/39531/10479>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norshuhada Abdullah. (2018). *Bentuk terjemahan kata kerja perintah dalam Surah Al-Baqarah* [Tesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nur Wajihah Abdul Ghafar. (2019). *Bentuk dan makna kata kerja perintah dalam terjemahan Surah Al-Nisa'* [Tesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Wahbah Al-Zuhaili. (1986). *Usul al-fiqh al-Islami* (Jil. 1–2). Dar Al-Fikr.
- Yayasan Restu. (2011). *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. Yayasan Restu.
- Zaharom Ridzwan. (2015). *Perintah langsung dan tak langsung dalam al-Qur'an: Satu analisis terjemahan* [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].